PENDAKWA RAYA

lwn.

TOH AH MOI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-29-87]
22 MEI 1990

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 37(da), 39B(1)(a), 39B(2) - Sama ada dadah berada dalam jagaan atau di bawah kawalan tertuduh - Unsur pengetahuan - Pemilikan secara fizikal - Beban pembuktian - Bila prima facie kes wujud.*

Kedua-dua orang tertuduh telah dibicarakan atas tuduhan melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya, bertentangan dengan s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Mereka berdua telah ditangkap dalam satu gerakan polis yang telah dijalankan pada 12 Ogos 1988 lepas tengah malam. Semasa ditangkap, polis telah menjumpai heroin dalam beg jinjit yang disimpan dalam boot kereta yang dinaiki oleh tertuduh berdua. Boot kereta itu telah diubahsuai sebegitu rupa yang menyebabkan ia tidak boleh dibuka dari luar. Hanya dengan menarik satu lever dekat tempat duduk pemandu barulah boot kereta itu dapat dibuka.

Beg jinjit yang berisi heroin itu telah kemudiannya diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP5), yang mana setelah dimeterai telah kemudiannya dihantar pula ke Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 14 Ogos 1986. Setelah dianalisis, heroin tersebut telah dipulangkan semula kepada SP5 pada 19 Februari 1987. Satu salinan lapuran kimia (P19) telah diserahkan kepada kedua-dua tertuduh.

Yang menjadi isu penting dalam kes ini ialah samada satu *prima facie* kes telah wujud yang menunjukkan bahawa kedua-dua tertuduh memiliki dadah itu dengan ertikata bahawa dadah itu berada dalam milikan fizikal kedua-dua mereka, dan samada pendakwa telah berjaya memberikan keterangan yang jelas menunjukkan kedua-dua tertuduh mempunyai pengetahuan mengenainya.

Diputuskan:

[1] Pihak pendakwa dalam kes ini hanya bergantung kepada seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya; peruntukan itu hanya boleh terterap jika ada keterangan yang menunjukkan kedua-dua tertuduh memiliki dadah tersebut.

[2] Dalam kes ini pihak pendakwa telah gagal membuktikan secara sah bahawa dadah berkenaan berada dalam milikan fizikal kedua-dua orang tertuduh; tanpa pemilikan fizikal, inferensi pengetahuan mengenainya hendaklah ditafsirkan dengan betul berasaskan keterangan yang dikemukakan.

[3] Adalah jelas daripada keterangan pihak pendakwa bahawa dadah berkenaan bukan sahaja tidak berada bersama-sama atau berhampiran dengan kedua-dua tertuduh, malahan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua tertuduh juga tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya.

[Kedua-dua tertuduh didapati tidak bersalah dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.]

Kes-kes yang dirujuk:
Myers lwn. DPP [1965] AC 1001
HL Patel lwn. Comptroller of Customs [1965] 3 All ER 593
Nahar Singh lwn. Pang Hon Chin [1986] 2 MLJ 141
Aw Kew Lim & Ors. lwn. Public Prosecutor [1987] 2 MLJ 601
Beh Heng Seng lwn. Public Prosecutor [1972] 2 MLJ 190
Munusamy lwn. Public Prosecutor [1987] CLJ (Rep) 221

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(da), 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, s. 45(1)

Bagi pihak Pendakwa Raya - Hafilah bte Daud
Bagi pihak YT Pertama - Shafee Abdullah; T/n. Shafee & Co.
Bagi pihak YT Kedua - Collin L. Sequerah; T/n. C.L. Sequerah & Co.

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik PK:

Kedua-dua orang tertuduh telah dibicarakan atas tuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 12 Ogos 1986, pada lebih kurang jam 1 pagi di dalam sebuah kereta bernombor WP 4620 di Jalan Mangga Off Jalan Ipoh, di dalam Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur telah melakukan kesalahan mengedar dadah merbahaya, iaitu heroin seberat 340.89 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Faktanya adalah seperti berikut. Pada 12 Ogos 1986, kira-kira pukul 12.10 pagi, satu pasukan polis yang terdiri daripada Insp. (sekarang ASP) Mohd. Yusof bin Mohamed (SP3), Insp. Roslan bin Mohamad, D/Kpl. 52228 Mustapa Kamal bin Yahya (SP4), DPC 55281 Abd. Rahman bin Hj. Kassim, DPC 58855 Mohd Asri bin Zainuddin dan DPC 66604 Yusof bin Hassan, yang bertindak atas satu maklumat yang diterima telah membuat satu serbuan ke suatu tempat di Jalan Pinggir di kawasan Kolam Ayer Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Pasukan polis tersebut yang berlepas dengan dua buah kereta, sebuah dipandu oleh SP3 dan yang sebuah lagi dipandu oleh Insp. Roslan bin Mohamad, diketuai oleh SP3. Di dalam kereta yang dipandu oleh SP3 ialah SP4, DPC 58855 Mohd Asri bin Zainuddin dan DPC 66604 Yusof bin Hassan manakala DPC 55281 Abd. Rahman bin Hj. Kassim menaiki kereta yang dipandu oleh Insp. Roslan bin Mohamad.

Apabila sahaja sampai ke tempat yang dituju SP3 dan anggotanya telah mengambil tempat untuk membuat serbuan dengan meletakkan kedua-dua buah kereta di tepi Jalan Pinggir menghala ke arah jalan keluar/masuk ke kawasan Kolam Ayer tersebut. Lebih kurang pada pukul 1.00 pagi SP3 nampak sebuah kereta jenis Gallant Sigma Nombor Pendaftaran WP 4620 (P22) keluar dari kawasan Kolam Ayer tersebut menghala ke Jalan Ipoh. Di belakangnya sebuah kereta lagi Nombor Pendaftaran WBJ 1695 mengekorinya. Seterusnya SP3 dalam keterangan bersumpahnya berkata. “Waktu itu saya dan pasukan saya bertindak dengan mengekori kedua-dua kereta tersebut. Soalan: Berapa jarak kamu? Jawapan: Lebih kurang 40 - 50 meter. Kemudian kereta tersebut melalui Jalan Ipoh, kemudian masuk Jalan Selvadurai, kemudian masuk ke Jalan Mangga dan akhirnya berhenti di hadapan Tok Kong China Choo Sing Tong. Waktu saya sampai, kereta saya berhenti di belakang kereta WP 4620 sementara kereta Insp. Roslan berhenti di belakang WBJ 1695. Kereta saya berhenti di sebelah kanan saya. Kereta yang satu lagi berhenti di sebelah kiri berhadapan dengan Tok Kong. Saya dapati dua lelaki Cina iaitu kedua-dua tertuduh sudahpun keluar daripada kenderaan WP 4620 dan sedang berjalan menghala ke belakang kereta mereka. Saya dan pasukan saya keluar daripada

kereta saya dan kenalkan diri dengan menunjukkan kad kuasa saya kepada kedua-dua tertuduh. Saya minta kunci kereta WP 4620 (P18) daripada pemandu kereta tersebut iaitu tertuduh pertama. Bila kunci diserahkan saya buka pintu WP 4620 dan buat pemeriksaan dalam kereta tersebut. Tidak ada benda salah dalam kereta tersebut. Saya kemudian periksa 'boot' kereta. Bila saya nak buka 'boot' kereta tersebut saya dapati tempat lubang kunci telah di"seal" iaitu telah diubahsuai, tidak dapat dibuka. Saya buka balik pintu pemandu dan dengan menarik satu 'lever' di sebelah kanan tempat duduk pemandu, barulah 'boot' dapat dibuka. Lepas itu saya periksa 'boot' tersebut. Bila saya nak periksa 'boot' saya suruh orang saya kawal kedua-dua tertuduh dan memastikan mereka menyaksikan pemeriksaan tersebut. Saya menjumpai sebuah beg jinjit cap 'Nike'. Beg tersebut terletak saja di atas lantai 'boot' dalam keadaan bertutup. Saya ambil beg tersebut dan buka. Di dalamnya saya dapati ada tiga bungkusan - tiap-tiap dibungkus dengan akhbar Cina. Dalam tiap-tiap bungkusan ada mengandungi satu beg plastik berisi benda yang disyaki heroin. Dari beg yang sama saya dapati ada sebuah beg plastik warna biru dan di dalamnya ada sebanyak 84 peket plastik kecil berisi benda yang disyaki heroin. Lepas itu saya masukkan kesemuanya balik ke dalam beg semula dan kedua-dua tertuduh digari bersama. Saya kemudian menutup semula pintu 'boot' dan pergi mendapatkan Insp. Roslan dan Detektif Rahman yang pada masa itu sedang mengawal suspect lain, pemandu kereta WBJ 1695.

SP3 telah membawa kedua-dua orang tertuduh dan beg cap 'Nike' yang berisi tiga bungkusan yang dibalut dengan akhbar Cina dan satu beg plastik warna biru tadi balik ke pejabatnya dengan menaiki kereta WP 4620 yang dipandunya sendiri sementara dieskot oleh DPC 55281 Abd. Rahman bin Haji Kassim yang bertugas mengawal kedua-dua tertuduh yang juga berada di dalam kereta tersebut. Kereta SP3 pula dipandu balik oleh SP4. Sesampainya di perkarangan IPK, Jalan Hang Tuah kira-kira pukul 2 - 2.30 pagi kereta WP 4620 diperiksa lagi sekali tetapi tidak ada barang salah dijumpai di dalamnya.

Di pejabatnya SP3 telah menimbang dan menandakan dadah yang dijumpai tadi dengan tandatangannya dan tarikh rampasan dan mengeluarkan satu senarai penggeledahan kepada kedua-dua orang tertuduh. SP3 juga membuat satu laporan polis - Sentul Report 7249/86. Pada 12 Ogos 1986, sebelah siangnya kira-kira pukul 2 - 3 petang SP3 telah menyerahkan barang kes yang telah ditandakan tadi bersama dengan kedua-dua orang tertuduh kepada Insp. Hassan Jalaluddin bin Abd. Malik (SP5) pegawai penyiasat kes ini. Ini telah diakui oleh SP5 melalui borang Akuan Penerimaan yang ditandai P17 sebagai barang kes. SP3 selanjutnya berkata bahawa tidak lama selepas itu beliau telah melawat tempat kejadian tersebut bersama-sama dengan SP5, seorang jurugambar dan seorang detektif.

Dalam keterangan bersumpahnya SP5 telah menyatakan bahawa beliau telah mengikat beg jinjit cap Nike (P4) yang berisi dadah tersebut dan melekatkan dengan pateri meterai PDRM 341 dan menghantarkannya ke Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 14 Ogos 1986 pukul 2 petang. SP5 seterusnya menyatakan bahawa di sana seorang ahli kimia Encik Primulapathi Jaya (SP2) telah memberikannya satu resit Akuan Penerimaan yang telah ditandatangani oleh ahli kimia tersebut dan ditandai P3 sebagai barang kes. Perkara ini telah diakui sendiri oleh SP2 yang menyatakan dalam keterangan bersumpahnya bahawa pada 14 Ogos 1986, SP5 ada menyerahkannya P4 yang berpelekatkan dengan pateri meterai PDRM 341 kepadanya dan kemudian beliau sendiri mengeluarkan P3 kepada SP5.

SP2 telah memeriksa P4 dan di dalamnya didapati tiga bungkusan yang masing-masing berbalut dengan suratkhabar Cina bertanda 'A' (P5), "B" (P8) dan 'C' (P11) yang tiap-tiap satunya pula mengandungi satu peket plastik yang ditandai P6, P9 and P12 yang masing-masingnya berisi 464.64 gram (bersih), 462.86 gram (bersih) dan 459.l9 gram (bersih) benda

berbiji berwarna merah jambu, yang setelah dianalisis didapati mengandungi 99.87 gram heroin (P7), 97.06 gram heroin (P10) dan 97.82 gram heroin (P13). Di dalam P4 juga didapati satu beg plastik berwarna biru yang ditandai P14 yang berisi 84 peket plastik (P15 [1 - 84]) mengandungi kesemuanya berjumlah 231.31 gram (bersih) benda berbiji berwarna merah jambu yang setelah dianalisis didapati mengandungi 46.14 gram heroin (P16). Dan heroin yang tersebut di atas adalah benda yang didaftarkan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Setelah dianalisis SP2 telah membungkus dadah tersebut ke dalam plastik yang berasingan yang ditandakan dengan Nombor Makmal 20615/86 dan menaruhkannya semula ke dalam beg cop Nike yang bertanda 'A' (P4) yang kemudian dilekatkan dengan pateri meterai Jabatan Kimia Petaling Jaya Satu. Beliau telah memulangkan semula barang kes tersebut kepada SP5 pada 19 Februari 1987 pukul 4 petang.

Perkara ini telah diakui sendiri oleh SP5 yang telah menyatakan dalam keterangannya bahawa beliau sendiri telah mengambil semula kesemua barang kes tersebut daripada SP2 pada 19 Februari 1987 pukul 4 petang. Pada masa yang sama beliau juga telah menerima satu Laporan Kimia yang ditandai P19 sebagai barang kes. Seterusnya SP5 menyatakan bahawa satu salinan P19 telah diserahkan kepada kedua-dua tertuduh yang mengakui penerimaannya dengan menurunkan tandatangan masing-masing yang ditandai P19 A & B sebagai barang kes. P19A ialah tandatangan tertuduh pertama dan P19B ialah tandatangan tertuduh kedua.

Encik Shafee Abdullah peguambela yang bijaksana bagi pihak tertuduh pertama telah menghujahkan bahawa keterangan yang diberikan oleh ahli kimia Encik Primulapathi Jaya (SP2) adalah dengar-cakap (hearsay) oleh itu Mahkamah hendaklah mengenepikan keterangan beliau. Untuk menyokong hujahnya Encik Shafee telah mengemukakan kes-kes ini. *Myers dan DPP* [1965] AC 1001, HL. *Patel v. Comptroller of Customs* [1965] 3 All ER 593. *Nahar Singh v. Pang Hon Chin* [1986] 2 MLJ 141, *Aw Kew Lim & Ors. v. Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 601 dan *Beh Heng Seng v. Public Prosecutor* [1972] 2 MLJ 190. Pada intinya apa yang dihujahkan oleh Encik Shafee ialah pengataan di label botol ujian "known standard" yang diperolehi dari Pusat Dadah Bangsa-bangsa Bersatu tersebut hendaklah dianggap sebagai dengarcakap dan oleh itu tidak boleh diterima sebagai keterangan terhadap tertuduh. Dan Encik Shafee menghujahkan lagi bahawa SP2 mendasarkan penganalisisannya kepada botol ujian "known standard" yang telah dijalankan sebelum beliau bekerja dengan Jabatan Kimia. Yang sebenarnya penganalisisan yang dijalankan oleh SP2 adalah seperti berikut.

> I used a number of tests to analyse and test the substance. Qualitative as well as quantitive. Qualitative - we do a series of colour tests after which we run a Thin Layer Chromatography (TLC) to confirm the presence of heroin. This is specific very clear and very sharp. After that I proceeded to do a quantitative analysis to find the amount of heroin in the granular substance. This is done by Gas Chromatograph (GC) test and GC Mac farlan Smith (MS) tests. Through this we were able to find the amount. This is specific as well as accurate. Yes, both methods are based on comparison on known standard from United Nations Drug Centre. The standards were stored in special bottles and kept in a desiccator. Yes, not to be influenced by outside forces. We kept the standard for a period of 6 months then ordered a new set of standards. Because the amount was small and got used up at the end of 6 months. The standard came in bottles with paper labelling and airtight caps. The standard had been accurate in the past. In fact we did a test before we used it to confirm. Basic tests were done very early before I joined. We also had a certificate to confirm this from the United Nations Drug Centre.

Jelas dengan keterangan SP2 di atas bahawa penganalisisannya bergantung kepada ujian-ujian qualitative dan quantitative yang dijalankannya sendiri; sehinggakan botol ujian 'known standard' yang hendak digunakannya pun diujinya sendiri sebelum digunakan (In fact we did a test before we used it).

Di sini SP2 adalah seorang saksi pakar. Oleh itu seksyen 45(1) Akta Keterangan 1950 terterap. Di sini SP2 mendasarkan pendapatnya bukan sahaja daripada pengataan fakta yang tertera di label botol ujian "known standard" tersebut, malahan telah menguji sendiri botol ujian "known standard" tersebut di makmalnya. Dan oleh itu pendapat yang dikemukakannya adalah penganalisisan dalam pengetahuannya sendiri. Pendapat pakarnya pula disokong oleh sijil pengesahan dari Pusat Dadah Bangsa-bangsa Bersatu (We also had a certificate to confirm this from the United Nations Drug Centre). Oleh itu saya berpendapat kecuali jikalau pihak pembela mengemukakan keterangan yang boleh mematahkan pendapat SP2 dengan memanggil saksi pakar yang lain yang boleh menyangkalnya. (Lihat kes *Munusamy lwn. Public Prosecutor* [1987] CLJ (Rep) 221), penganalisisan yang dijalankan oleh SP2 di makmalnya seperti yang tersebut di atas adalah teratur dan boleh diterima dan saya berpuashati dengan penganalisisannya.

Dalam kes ini pihak pendakwa hanya bergantung kepada s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952. Seksyen 37(da) tersebut hanya boleh terterap jikalau keterangan menunjukkan kedua-dua tertuduh memiliki dadah tersebut. Adalah jelas bahawa keterangan pihak pendakwa tidak menunjukkan bahawa kedua-dua tertuduh dijumpai memiliki secara fizikal dadah tersebut. Dan sebarang dadah tidak boleh dikatakan di dalam jagaan atau di bawah kawalan seseorang jika seseorang itu tidak tahu menahu tentang dadah tersebut. Dan kawalan mestilah dibuktikan sebagai satu fakta dan ianya mestilah timbul dari perkaitan seseorang itu dengan barang tersebut.

Untuk menunjukkan bahawa sesuatu barang itu berada di dalam jagaan atau di bawah kawalan seseorang ia memerlukan unsur pengetahuan. Tanpa pemilikan fizikal mengenai dadah tersebut, inferens pengetahuan mengenainya hendaklah ditafsirkan dengan betul daripada keterangan yang dikemukakan. Di dalam kes ini pihak pendakwa telah gagal membuktikan secara sah bahawa dadah tersebut berada dalam milikan fizikal kedua-dua orang tertuduh. Tidak ada keterangan pihak pendakwa langsung mengenai perkara ini. SP3 dalam keterangan sumpahnya berkata, 'Saya dapati dua lelaki cina iaitu kedua-dua tertuduh sudahpun keluar daripada kenderaan WP 4620 dan sedang berjalan menghala ke belakang kereta mereka ... Saya minta kunci kereta WP 4620 (P18) daripada pemandu kereta tersebut iaitu tertuduh pertama ... Bila kunci diserahkan saya buka pintu WP 4620 dan buat pemeriksaan dalam kereta tersebut. Tak ada benda salah dalam kereta tersebut. Saya kemudian periksa 'boot' kereta. Bila saya nak buka 'boot' kereta tersebut saya dapati tempat lubang kunci telah diseal iaitu telah diubahsuai, tak dapat dibuka. Saya buka balik pintu pemandu, dan dengan menarik satu 'lever' di sebelah kanan tempat duduk pemandu, barulah 'boot' dapat dibuka. Lepas itu saya periksa 'boot' tersebut ... Saya menjumpai sebuah beg jinjit cap 'Nike'. Beg tersebut terletak saja di atas lantai 'boot' dalam keadaan bertutup.' Adalah jelas daripada keterangan pihak pendakwa seperti yang terkandung dalam keterangan SP3 seperti di atas bahawa dadah tersebut bukan sahaja tidak berada bersama-sama atau berhampiran dengan kedua-dua orang tertuduh malahan keterangan SP3 itu jelas menunjukkan bahawa kedua-dua orang tertuduh juga tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya.

Adalah kewajipan pihak pendakwa untuk membuktikan tuduhan terhadap kedua-dua orang tertuduh hingga tidak ada was-was yang munasabah. Bukti sesuatu kes terhadap seseorang tertuduh bergantung bukannya kepada ketiadaan atau kelemahan penjelasan yang diberikan oleh seseorang tertuduh tetapi adalah bersandarkan keterangan positif yang mengesahkan kebersalahan seseorang tertuduh yang diberikan oleh pihak pendakwa. Beban bukti berada di bahu pihak pendakwa di sepanjang perbicaraan. Keterangan yang memperlihatkan kes *prima facie* adalah apabila ianya begitu rupa bahawa sekiranya tidak disangkal dan sekiranya dipercayai, ianya cukup untuk membuktikan kes tersebut terhadap seseorang tertuduh.

Sekiranya setelah mempertimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan di akhir kes pihak pendakwa, Mahkamah berpuashati bahawa adalah sama sekali tidak selamat menyabitkan seseorang tertuduh berasaskan keterangan itu semata-mata, maka bolehlah dikatakan tidak ada kes *prima facie* dibuktikan terhadap seseorang tertuduh itu dan seseorang tertuduh itu tidak boleh dipanggil untuk membela diri.

Apa yang saya mesti putuskan di akhir kes pendakwa adalah satu persoalan undang-undang sahaja. Dalam mencapai keputusan itu, saya mestilah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa. Jikalau keterangan itu sememangnya tidak boleh dipercayai atau jikalau pihak pendakwa telah gagal membuktikan satu atau lebih unsur pokok tuduhan tersebut, maka adalah wajar bagi saya tidak memanggil seseorang tertuduh itu membela diri. Dalam kes ini bukannya sebab keterangan itu sememangnya tidak boleh dipercayai atau pihak pendakwa telah gagal membuktikan satu atau lebih unsur pokok tuduhan tersebut tetapi lebih tenat daripada itu lagi bahawa tidak ada keterangan langsung yang boleh menghubungkan kedua-dua orang tertuduh dengan dadah yang dijumpai di dalam 'boot' kereta Nombor Pendaftaran WP 4620.

Oleh hal yang demikian saya dapati kedua-dua orang tertuduh tidak bersalah lalu membebaskan dan melepaskannya tanpa dipanggil membela diri.

Also found at [1990] 2 CLJ 580